

Pindaan Kanun Keseksaan, Akta Pendaftaran Pesalah ke Kabinet

BH 25 JUL 2004

Oleh Magendran
Rajagopal

KUALA LUMPUR, Selasa - Beberapa cadangan pindaan terhadap Kanun Keseksaan dan Akta Pendaftaran Pesalah akan dikemukakan untuk pertimbangan Kabinet dalam masa terdekat ini bagi mengemas kini undang-undang berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata pindaan Akta Pendaftaran Pesalah bertujuan memasukkan profil DNA pesalah ke dalam data maklumat cap ibu jari sedia ada sebagai bukti tambahan.

"Ini akan memperluaskan bidang penyiasatan pihak berkuasa atau polis kerana boleh memanfaatkan profil DNA bagi mengumpul bukti yang lebih kukuh terhadap pesalah dalam sesuatu kes.

"Di Britain umpamanya, pihak polis negara terabit mempunyai profil DNA lebih dua juta pesalah sebagai asas semakan untuk membandingkan DNA, sekali gus memudahkan tugas mengenal pasti pesalah.

"Bagaimanapun, pengambilan profil DNA perlu dipastikan tidak mencabul hak asasi seseorang dan jika dilaksanakan, akan dihadkan kepada pesalah yang mempunyai rekod sahaja," katanya selepas lawatan ke Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Ilkap) di sini, hari ini.

Sejak penubuhannya pada 1993, Ilkap sudah melatih lebih 10,000 pegawai serta pendakwa dalam bidang perundangan dan kehakiman untuk memastikan kesinambungan kewibawaan kedua-dua badan berkenaan terpelihara.

Rais berkata, Ilkap yang akan ditempatkan di bangunan baru bernilai RM40 juta di Seksyen 15, Bangi, Oktober ini, boleh membantu polis dan pakar per-

abatan mewujudkan data naklumat profil DNA.

Mengenai pindaan Kanun Keseksaan pula, beliau berkata, ia akan menyentuh beberapa aspek, termasuk penjagaan pesalah bawah umur dan tahanan reman selain Seksyen 298 A yang membatik kesalahan terhadap agama.

Selain itu, beliau tidak menolak kemungkinan kesalahan tertentu seperti rogol dan sumbang mahram akan dikaji semula walaupun pada dasarnya, tegas beliau, hukuman sedia ada iaitu sebatan serta penjara antara lima hingga 20 tahun adalah memadai dan tidak perlu diubah.

Bagaimanapun, beliau tidak mengulas lanjut mengenai pindaan berkenaan tetapi mengingatkan proses menukar undang-undang mengambil masa lama dan banyak aspek perlu dikaji secara terperinci.

Dalam perkembangan lain, Dr Rais mengalu-alukan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, mengenai pindaan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan supaya lelaki dan wanita tidak lagi dibezakan dari segi dasar atau undang-undang.

Katanya, pendekatan itu selaras dengan Konvensyen Hak Politik Bangsa-Bangsa Bersatu yang turut diterima pakai oleh Malaysia, antara lain mengiktiraf hak kesamarataan yang adil dan saksama tanpa mengira jantina.

Rais menjelaskan bahawa di negara kita sebelum ini, Perkara 8(2) hanya diguna pakai bagi isu membabitkan agama, kumpulan masyarakat atau status walaupun ia sudah diterima pakai dalam semua aspek lain di peringkat antarabang-

sa.